

BENDAHARI: TUAN HAJI AYOB BIN ISMAIL



Tuan Haji Ayob Bin Ismail dilahirkan pada 11 April 1947 di Kampung Seberang Kota, Kuala Kedah, Kedah. Anak ke empat daripada sepuluh beradik ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Seberang Kota. Beliau memasuki sekolah peralihan selama setahun di Sekolah Inggeris Telok Chengai sebelum meneruskan pengajian di sekolah menengah iaitu di Sultan Abdul Hamid College sehingga tamat tingkatan lima seterusnya menyambungkan pelajaran di Institut Teknologi MARA (ITM) Jalan Othman, Petaling Jaya pada tahun 1966 hingga tahun 1969. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan pilihan hatinya, Esyah Bee Binti Sultan dan telah dikurniakan empat orang cahayamata. Walaupun sibuk dengan kerjaya, Tuan Haji tidak pernah melupakan hobinya iaitu membaca. Baginya

membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan serta mengetahui perkembangan isu semasa. Malahan membaca juga dapat menjana minda serta membantunya berfikir secara kritis dan kreatif. Pada masa lapang Tuan Haji lebih gemar menonton rancangan yang berbentuk dokumentari, berita, serta rancangan kegemarannya iaitu gusti. Disamping itu, beliau tidak melepaskan peluang untuk bersiar-siar bersama ahli keluarganya sekiranya mempunyai kesempatan.

Perjalanan kerjaya Tuan Haji Ayob pula bermula selepas tamat tingkatan lima, di mana beliau menjadi guru sementara selama tiga bulan di Sekolah Menengah Sungai Tiang iaitu sebelum melanjutkan pelajaran di ITM. Selepas tamat pengajian di ITM, Tuan Haji mula menjawat jawatan sebagai Pembantu Audit di Syarikat Osman & Wong selama setahun. Selepas itu beliau mula menyertai Bank Bumiputera dengan jawatan sebagai kerani bank. Namun begitu, beliau tidak kekal lama di situ kerana tertarik dengan tawaran Jabatan Hasil Dalam Negeri dengan jawatan sebagai Pembantu Pemeriksa dari tahun 1970 hingga tahun 1972.

Pada tahun 1972 hingga tahun 1986 beliau memulakan khidmat di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dengan pelbagai jawatan. Antaranya ialah Pembantu Tadbir, Penolong Bendahari, Pembantu Bendahari Kanan hingga ke jawatan Ketua Penolong

Bendahari sebelum dipindahkan ke Kampus Cawangan USM Tronoh pada tahun 1986 sebagai Timbalan Bendahari.

Seterusnya pada April 2002, beliau secara rasminya telah disambung sebagai Bendahari di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Bersesuaian dengan jawatan yang disandang, Tuan Haji Ayob berpegang teguh pada prinsip hidupnya iaitu 'ikhlas, jujur dan tegas'. Menurutnya, apa jua pekerjaan yang diamanahkan kepadanya hendaklah dilakukan dengan jelas dan tegas mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Sebagai ketua di jabatannya, Tuan Haji mempunyai satu impian yang murni bagi mewujudkan satu jabatan bendahari yang dapat memberikan perkhidmatan yang *mesra pelanggan* serta *bersih* daripada perkara yang negatif. Malahan beliau amat berpuas hati dengan kakitangannya yang berdedikasi, rajin serta patuh pada peraturan bersesuaian dengan moto jabatan bendahari "cekap, bersih dan amanah." Berlandaskan moto ini, beliau berhasrat untuk membentuk kakitangannya menjadi pekerja yang celik ICT supaya dapat melahirkan pekerja yang mahir serta berilmu. Tambahnya lagi, penguasaan ICT secara tidak langsung dapat membentuk kecemerlangan dalam diri setiap kakitangan bersesuaian dengan moto KUKUM iaitu 'Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan'. Harapannya segala impian dan hasrat ini akan tercapai sebelum beliau bersara tidak lama lagi.